



DR. AZMAN ISMAIL

LATAR BELAKANG

Beliau merupakan lulusan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) *Pedagogy of Malay Literature* di Universiti Pendidikan Sultan Idris pada tahun 2014, Ijazah Sarjana *Comparative Literature* di Universiti Malaya pada tahun 2001, dan Ijazah Sarjana Muda *Southeast Asia Studies (major) / Psychology (minor)* di Universitas Indonesia (UI) pada tahun 1995.

Beliau melakukan penyelidikan di dalam Sastera Politik Kotemporari Malaysia – Indonesia, berhubung kajian budaya dan kritikan sastera yang berkaitan dengan Kesusasteraan moden Malaysia – Indonesia.

Beliau mempunyai kepakaran dalam kritikan Sastera Kotemporari Indonesia – Malaysia, Kritikan dan kajian budaya, Metodologi Penyelidikan dan Penulisan Akademik. Beliau turut mempunyai kepakaran mengenai kesusasteraan moden Indonesia terutama Sastera Pasca Perang dan Pasca Revolusi Indonesia pada tahun 1945 sehingga tahun 1949. Kajian beliau pada peringkat Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah tertumpu kepada penyelidikan hubungan kesusasteraan moden Indonesia dengan gerakan-gerakan intelektual dan ideologi oleh para pengarang negara tersebut.

Antaranya ialah tokoh-tokoh seperti Pramoedya Ananta Toer dan para pengarang yang bernaung di bawah Lembaga Kebudayaan Rakyat (Lekra), iaitu satu badan kebudayaan yang dimiliki oleh Parti Komunis Indonesia (PKI).

Selain itu, beliau merupakan Pensyarah di Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem, dan juga Pensyarah serta Penyelia di Pusat Pengajian Pasca Siswazah bagi Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah. Beliau kini menyumbangkan penulisan beliau di dalam pelbagai *medium* media dan akhbar seperti menjadi kolumnis di akhbar *Kosmo!* Dengan mengkhususkan penulisan dalam bidang kebudayaan, kesenian, bahasa dan kesusasteraan.

PENCAPAIAN

Di luar bidang akademik, beliau merupakan panel penilai penerbitan karya kreatif di Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), Panel Anugerah Harta Intelek Negara, Anugerah Sastera Kumpulan Utusan dan Anugerah Telenovela. Selain itu, beliau juga merupakan penulis kreatif terutama di dalam genre cerpen dan karya-karya beliau pernah disiarkan di akhbar Mingguan Malaysia, Media Indonesia dan lain-lain.

Antara penulisan beliau adalah Hegemoni Jurnalistik Sebagai Kerangka Konseptual dalam Kajian Kesusasteraan penulisan bersama A. Halim Ali pada tahun 2014, Hegemoni Jurnalistik Dalam Kajian Tetralogi Bumi Manusia penulisan bersama A. Halim Ali (karya Pramoedya Ananta Toer) pada tahun 2014, Gadis Pantai dan Midah Si Manis Bergigi Mas dalam bacaan dekonstruksi Paul de Man pada tahun 2016, Hegemoni Intelektual dan Kekuasaan dalam Novel-Novel Politik Malaysia-Indonesia penulisan bersama A. Rahim Abdullah pada tahun 2017, Akal Budi Melayu dalam Filem Malaysia-Indonesia penulisan bersama Ramli Md. Akin pada tahun 2017, dan Karya-Karya Sastera Melayu dalam Wacana Etnografi.